UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

eISSN: 3083 - 9157

LENSA FHPK

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan

Edisi Khas 2025



FHPK

www.fhpk.umk.edu.my

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

YBRS. PROF. TS. DR. ARHAM BIN ABDULLAH
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

YBRS. PROF. DR. HUZILI BIN HUSSIN
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

YBRS. PROF. DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

YBRS. ENCIK KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM
Pendaftar

YBRS. ENCIK AHMAD IRWAN BIN BAHARUDDIN
Bendahari

YBRS. ENCIK AZMAN BIN HASHIM
Ketua Pustakawan

YBRS. PUAN NORAINI BINTI IDRIS
Penasihat Undang-undang

HAK CIPTA UMK 2025

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat keizinan daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor, UMK.

Judul : LENSA FHPK : Edisi Khas

No. eISSN : 3083 - 9157

Diterbitkan Oleh :

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Cancelor
Universiti Malaysia Kelantan
16300, Bachok
Kelantan Darul Naim

Tel : 09-7797015
Emel : bpk.pkk@umk.edu.my
website : corporate.umk.edu.my

SIDANG EDITORIAL LENSA FHPK

PENASIHAT
PM. Dr. Mohd Fadil bin Mohd Yusof
Dekan FHPK, UMK

KETUA EDITOR
Dr. Mohamad Pirdaus bin Yusoh
Pensyarah Kanan, Jabatan Pelancongan

EDITOR
Dr. Ahmad Fahme bin Mohd Ali
Pensyarah Kanan, Jabatan Kesejahteraan

Dr. Pavitira Manogaran
Pensyarah Kanan, Jabatan Hospitaliti

En. Abdullah bin Muhamed Yusoff
Pensyarah, Jabatan Hospitaliti

Ts. Dr. Siti Salina binti Saidin
Pensyarah Kanan, Jabatan Pelancongan

Dr. Bibi Nabihah binti Abdul Hakim
Pensyarah Kanan, Jabatan Kesejahteraan

Dr. Norizan binti Musa
Pensyarah, Jabatan Pelancongan

Dr. Norsyamlina binti Che Abdul Rahim
Pensyarah Kanan Jabatan Kesejahteraan



En.Mohammad Syakir bin Zainozaman
Pensyarah, Jabatan Hospitaliti

Puan Hazzyati binti Hashim
Pensyarah, Jabatan Pelancongan

En. Muhammad Firdaus bin Bidin
Pensyarah, Jabatan Hospitaliti

SUMBER GAMBAR
Puan Alifah binti Adnan
Timbalan Pendaftar

LENSA FHPK

ISI KANDUNGAN





01 TINTA DEKAN

02 CORETAN KETUA EDITOR

03 PENERAJU FHPK

04 WARGA GEMILANG FHPK

05 ASPIRASI & LEGASI FHPK

08 SOROTAN FHPK

22 BICARA PROFESOR

23 PANORAMA ILMU

27 TRIBUT FHPK

34 SAPA MESRA









scan me



Tinta DEKAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Hormat,

Lensa FHPK adalah penerbitan e-Buletin fakulti yang julung-julung kali diterbitkan bagi tujuan menyebarkan maklumat aktiviti atau program berimpak tinggi yang dijalankan oleh Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) UMK. Lensa FHPK akan diterbitkan dua kali setahun sebagai wadah utama memaparkan berita mengenai perkembangan fakulti yang merangkumi pelbagai aspek seperti aktiviti pensyarah dan pelajar, program yang melibatkan komuniti, keusahawanan dan sebagainya. Lensa FHPK juga merupakan salah satu wahana cetusan idea oleh ahli akademik bagi perkongsian ilmu dan inovasi kepada masyarakat umum.

E-buletin ini adalah cerminan komitmen warga FHPK untuk memartabatkan ilmu pendidikan tinggi, meneroka potensi baru, dan sebagai peneraju utama dalam bidang pelancongan, hospitaliti dan kesejahteraan yang berorientasikan keusahawanan. Saya mendoakan agar Lensa FHPK ini akan terus berkembang sebagai bahan rujukan serta cetusan inspirasi kepada semua terutama ahli-ahli fakulti bagi meneruskan penganjuran aktiviti berimpak tinggi.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terutama sidang editor yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan penerbitan LENSA FHPK Edisi 1, 2025 ini. Semoga melalui usaha ini, kita terus dapat memperkukuhkan semangat kerjasama dan berkongsi kejayaan yang membanggakan sebagai satu pasukan.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

PROFESOR MADYA DR MOHD FADIL MOHD YUSOF
DEKAN
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan, dan Kesejahteraan
Universiti Malaysia Kelantan

Coretan

KETUA EDITOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Selamat datang ke edisi terkini e-buletin LENSA FHPK, platform yang dirangka khas untuk mendokumentasikan setiap pencapaian, program, dan aktiviti yang menjadi kebanggaan Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) Universiti Malaysia Kelantan.

Sebagai ketua editor, saya amat berbesar hati melihat kerjasama dan komitmen seluruh warga fakulti dalam menjayakan penerbitan ini. E-buletin ini bukan sekadar bahan bacaan, tetapi ia adalah cerminan usaha kolektif fakulti dalam merealisasikan visi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai peneraju pembangunan insan bercirikan keusahawanan.

Dalam edisi ini, kami membawa anda menyelami pelbagai cerita kejayaan yang menginspirasikan, termasuklah pencapaian para pensyarah, inisiatif keusahawanan, inovasi dalam penyelidikan, serta program-program yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Setiap lembaran ini dirancang untuk menyerlahkan potensi, dedikasi, dan visi besar FHPK dalam mendukung motto "Keusahawanan Teras Kami."

Sebagai fakulti yang menjunjung tinggi nilai transformasi, keusahawanan, dan kecemerlangan, kami percaya bahawa setiap individu di fakulti ini memainkan peranan penting dalam membawa nama FHPK dan UMK ke persada global. E-buletin ini adalah sebahagian kecil daripada usaha tersebut, tetapi kami yakin ia mampu memberi inspirasi kepada semua.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan ini. Semoga **LENSA FHPK** terus menjadi ruang inspirasi dan aspirasi untuk kita semua melangkah lebih jauh.

Selamat membaca dan terus maju bersama FHPK!

DR. MOHAMAD PIRDAUS YUSOH
KETUA EDITOR
LENSA FHPK
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan
Universiti Malaysia Kelantan



PENERAJU FHPK 2024



DR. NORMAIZANA BTE MAT NAWI
Ketua Jabatan Hospitaliti



DR. NOR SYUHADA ZULKEFLI
Timb. Dekan Akademik



DR. NURZEHAN ABU BAKAR
Ketua Jabatan Pelancongan



PROF. MADYA DR. MOHD FADIL MOHD YUSOF
Dekan FHPK



DR. AHMAD FAHME MOHD ALI
Timb. Dekan Penyelidikan, Keusahawanan & Pembangunan Pelajar



DR. MOHD HAKAM MOHD NAZIR
Ketua Jabatan Kesejahteraan



PN. ALIFAH ADNAN
Timbalan Pendaftar



PENERAJU ILMU FHPK



PENGGERAK OPERASI FHPK



PEMACU "LIVING LAB" FHPK



Congratulations

Sukacita dimaklumkan bahawa **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Fadil bin Mohd Yusof** telah dilantik sebagai Dekan Fakulti Hospitaliti, Pelancongan, dan Kesejahteraan (FHPK) bermula **9 Januari 2024 hingga 31 Disember 2025.**

Sekalung tahniah diucapkan atas pelantikan ini. Dengan visi kepimpinan baharu, diharapkan **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Fadil** dapat mencetuskan aspirasi baharu dalam membentuk hala tuju fakulti yang lebih dinamik dan progresif. Pelantikan ini diyakini akan membawa anjakan paradigma yang mampu memperkukuhkan FHPK sebagai fakulti terunggul dalam bidang hospitaliti, pelancongan, dan kesejahteraan di peringkat nasional dan global.

Semoga kepimpinan beliau dapat menyemarakkan budaya inovasi, semangat kolaborasi, dan kecemerlangan berterusan, sekaligus menjadi pemangkin kepada pembangunan holistik seluruh warga fakulti untuk mencapai aspirasi besar Universiti Malaysia Kelantan.

جزاكم الله خيرا

Jutaan terima kasih diucapkan kepada **YBhg. Prof. Madya Dr. Roslizawati binti Che Aziz** atas segala jasa bakti, bimbingan, usaha gigih, dan sokongan padu yang telah dicurahkan sepanjang kepimpinan beliau. Sumbangan besar beliau telah menyumbang kepada pengukuhan nama dan kecemerlangan Fakulti Hospitaliti, Pelancongan, dan Kesejahteraan (FHPK) sebagai institusi yang terus unggul di persada pendidikan negara.

Semoga segala kebaikan dan usaha beliau diberkati oleh Allah SWT serta menjadi inspirasi kepada seluruh warga fakulti untuk terus melangkah maju menuju kecemerlangan, kegemilangan, dan keterbilangan.



Tahniah & Selamat Bertugas

Ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan ini dan terima kasih yang mendalam kepada **timbalan-timbalan dekan** dan **ketua-ketua jabatan** yang baharu atas kesediaan memikul amanah ini.

Selamat menjalankan tugas diucapkan, semoga dengan kepimpinan dan visi yang penuh semangat, FHPK dan jabatan akan terus maju dan berkembang.

Dengan dedikasi dan kerjasama yang kuat, setiap langkah yang diambil akan membawa kejayaan yang lebih besar kepada fakulti. Semoga perjalanan ini dipenuhi dengan pencapaian gemilang.











Sekalung Penghargaan & Terima Kasih

Ucapan penghargaan setulus hati kepada **YBhg. Prof. Dr. Khairil Wahidin bin Awang** atas kepimpinan dan dedikasi sepanjang tempoh berkhidmat sebagai Dekan FHPK. Sumbangan dan wawasan YBhg. telah meletakkan fakulti di landasan kecemerlangan, meninggalkan legasi yang menjadi inspirasi kepada seluruh warga fakulti.

Semoga persaraan ini membawa kebahagiaan, ketenangan, dan peluang untuk terus berkongsi ilmu serta pengalaman. Terima kasih atas segala jasa dan bakti yang tidak ternilai harganya.







Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada **mantan Timbalan Dekan Akademik** dan **mantan ketua-ketua jabatan** atas segala usaha dan dedikasi yang diberikan dalam memacu kecemerlangan akademik dan pentadbiran di FHPK.

Kepimpinan yang cemerlang serta sokongan berterusan daripada kalian semua telah memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan kedudukan fakulti di persada global. Semoga semangat kerjasama dan kecemerlangan ini terus berkembang di masa hadapan.







MONSOON BEACH RUN 2024: LARI, NIKMATI, DAN CABAR DIRI ANDA



28 DISEMBER 2024

Monsoon Beach Run 2024 (MBR2024) telah berlangsung pada Sabtu, **28 Disember 2024**. MBR2024 berlangsung dengan penganjuran bersama antara **Citra Wellness Organisation** dan **FHPK** dengan penajaan dari **Landsworth Properties, Hattori Coffee, Konoha Buffet, The Baba Events and Advertising Sdn Bhd, Agenda Nasional Malaysia Sihat, Sony, AC Gas, Milo, Farm Fresh,** dan **Hotlink**. Program ini mendapat sokongan penuh dari pensyarah, kakitangan dan mahasiswa dari FHPK UMK. MBR2024 dirasmikan oleh **Prof. Ts. Dr Arham bin Abdullah** selaku yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor UMK.



Acara ini telah diadakan di Pantai Kemayang dan Pantai Senok yang merupakan lokasi terkenal dengan keindahan pemandangan pesisir pantai yang menarik. MBR2024 menerima penyertaan lebih dari **500 orang peserta** dari dalam dan luar negara. Terdapat dua kategori larian yang ditawarkan iaitu kategori 5KM yang sesuai untuk pemula atau mereka yang ingin menikmati acara ini bersama keluarga dan kategori 10KM bagi pelari yang menginginkan lebih cabaran serta persaingan yang lebih kompetitif.



Acara bermula seawal jam 6.30 pagi dengan sesi pendaftaran, diikuti sesi pemanas badan. Laluan larian yang mencabar melibatkan pasir basah, genangan air, dan percikan hujan, menjadikannya pengalaman yang unik dan mengujakan bagi setiap peserta. Setiap peserta yang berjaya menamatkan larian akan menerima pingat *finisher* sebagai tanda penghargaan atas usaha mereka manakala pemenang bagi setiap kategori akan menerima medal eksklusif, hamper, serta wang tunai.

Program ini bukan sekadar acara larian, tetapi juga satu platform untuk memupuk semangat kebersamaan komuniti, mempromosi budaya sihat dan cergas, serta mencipta pengalaman yang positif dan bermakna. Ia juga memberikan peluang kepada peserta menyumbang kepada program pemuliharaan pantai dan sekali gus menjadikan penyertaan mereka lebih bermakna.

Sorotan Oleh:
DR. NUR IDA FATIHAH BINTI CHE SHALIFULLIZAM
Pensyarah Kanan
Jabatan Hospitaliti

380 PELAJAR FHPK DINOBATKAN SEBAGAI "OUTREC PIONEER@UMK" SEMPENA PENGANJURAN PROGRAM MY-ADVENTURE TOURISM EXPEDITION 2024 (MY-ATE 2024)



25 OKT - 21 DIS 2024

MY-ADVENTURE TOURISM EXPEDITION 2024 (MY-ATE 2024) telah berlangsung dengan jayanya bermula dari **25 Oktober hingga 21 Disember 2024** yang lalu. Seramai **380 pelajar** daripada kursus HTB30103 Pengurusan Rekreasi dan Senggang Semester September 2024/2025 telah berjaya mengikuti **sepuluh (10) siri program** rekreasi luar yang di adakan di lima (5) daerah iaitu Jeli, Gua Musang, Dabong, Setiu dan Jerteh. Program MY-ATE 2024 telah mendapat kerjasama penuh daripada Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia (PJRM) yang mana ia bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman baharu kepada semua peserta berkenaan kepelbagaian aktiviti pelancongan lasak (adventure tourism) yang terdapat di dalam negeri Kelantan dan sempadan negeri iaitu di Jerteh dan Setiu.



Sebanyak sepuluh siri ekspedisi telah berjaya dijalankan yang melibatkan seramai 40 orang pelajar bagi setiap ekspedisi.



Program MY-ATE 2024 telah di akhiri dengan Majlis Penutup MY-ADVENTURE TOURISM EXPEDITION 2024 (MY-ATE 2024) yang telah berlangsung pada 21 Disember 2024 dengan dua agenda utama iaitu Penyampaian Syarahan (Keynote Speaker) daripada dua pakar terkenal dalam bidang pelancongan lasak dan kemudiaanya majlis penyampaian sijil dan batch OUTREC 2024.

Majlis ini telah disempurkan oleh Naib President 1 Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia (PJRM) iaitu En Azmansyah Bin Osman. Pada majlis penutup ini, kesemua peserta MY-ATE 2024 telah dinobatkan sebagai OUTREC PIONEER @UMK 2024 yang merupakan batch pertama menamatkan kesemua ekspedisi pelancongan lasak. Semoga dengan aktiviti dan program sebegeni ia mampu menarik minat pelajar untuk terus mendekatkan diri kepada alam semulajadi selain menyahut cabaran untuk aktiviti lasak.

Sorotan Oleh:
PROF. MADYA DR. ROSLIZAWATI BINTI CHE AZIZ
Jabatan Pelancongan

PROGRAM TOURISM INTERNATIONAL MOBILITY AND ENTREPRENEURSHIP (TIME) SIRI KE-5 DI VIETNAM (DALAT & HO CHI MINH)



12 - 16 DISEMBER 2024

Program Tourism International Mobility and Entrepreneurship (TIME) Siri ke-5 telah berjaya dilaksanakan di Vietnam (Dalat dan Ho Chi Minh) dari **12 hingga 16 Disember 2024.** Seramai 36 orang pelajr dan 4 orang pensyarah terlibat. Mereka berpeluang untuk memperluas pengetahuan serta jaringan dalam industri pelancongan dan keusahawanan. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai perkembangan terkini dalam sektor pelancongan global, serta membuka peluang untuk menjalin kerjasama antarabangsa



Melalui program ini, pelajar dapat meningkatkan kemahiran keusahawanan, memperluas rangkaian profesional, dan memahami cabaran serta peluang yang wujud dalam industri pelancongan di peringkat global.



Selain itu, pelajar juga berpeluang untuk melihat dan merasai secara langsung budaya dan infrastruktur pelancongan di Vietnam, serta mempelajari cara-cara inovatif yang digunakan dalam pengurusan destinasi pelancongan. Dengan pengalaman ini, para pelajar dapat mengasah kreativiti dan daya saing mereka dalam memajukan sektor pelancongan dan keusahawanan di masa hadapan.

Terima kasih diucapkan kepada **Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan - FHPK** , serta **School of Tourism, University of Economics Ho Chi Minh** atas kerjasama dan sokongan padu yang diberikan, menjayakan program ini dengan lancar dan penuh bermakna.

Sorotan Oleh:
DR. NIK ALIF AMRI BIN NIK HASHIM
Pensyarah Kanan,
Jabatan Pelancongan

BENGKEL FUNDAMENTAL RESEARCH GRANT SCHEME (FRGS) & BENGKEL PEMBANGUNAN KERJAYA STAF AKADEMIK



24 & 25 NOVEMBER 2024

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Mohd Hafiz bin Mohd Hanafiah, Profesor Pelawat FHPK, daripada Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), atas kesudian beliau berkongsi ilmu serta pengalaman dalam:



Semoga ilmu yang disampaikan menjadi panduan dan inspirasi kepada para staf akademik dalam meningkatkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan penyelidikan.







Sekali lagi, terima kasih atas komitmen dan dedikasi Prof. Dr. Mohd Hafiz. Kami amat menghargai perkongsian yang amat bermanfaat ini.

MAJLIS SILANG BUDAYA



20 NOVEMBER 2024

Majlis Silang Budaya telah dilaksanakan pada **20 November 2024** (Rabu) di B101D, UMK Kampus Kota oleh pelajar kursus Pengurusan Acara (L1). Majlis ini telah dihadiri oleh **88 orang pelajar** Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) semester tiga. Majlis Silang Budaya ini diadakan untuk memberi pengalaman kepada pelajar dalam pengurusan acara selain dapat mempromosikannya sebagai satu aktiviti penghayatan antara budaya di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).



Terdapat pelbagai aktiviti yang menyerlahkan kepelbagaian warisan budaya di Malaysia dalam program tersebut. Ini merangkumi pameran kebudayaan, persembahan kebudayaan, peluang merasa makanan yang menampilkan hidangan istimewa seperti Ambuyat, Laksa Sarawak dan Mochi, serta sesi interaktif yang melibatkan pertukaran hadiah dan permainan yang menyeronokkan. Ia mempamerkan penghargaan peserta terhadap budaya Malaysia kerana acara ini terbuka kepada pelajar yang berlatar belakangkan pelbagai bangsa.

Selain daripada penghayatan budaya, acara yang disediakan adalah untuk mengasah kemahiran komunikasi serta menyemarakkan lagi kemesraan dalam kalangan pelajar dari pelbagai disiplin ilmu. Pelajar juga akan mempelajari kepentingan kerja berpasukan, kesedaran silang budaya dan komunikasi dengan mengambil bahagian dalam acara ini. Program ini secara langsung adalah selaras dengan teori pengetahuan yang disediakan oleh kurikulum akademik di fakulti

Para peserta berpuas hati tentang program dalam acara tersebut terutama aktiviti kebudayaan yang diadakan pada hari itu, termasuk persembahan tradisional, sesi merasa makanan dan permainan interaktif warisan budaya Malaysia. Program ini juga membantu mencapai objektif untuk memelihara identiti budaya, penyebaran perpaduan negara, dan juga akan membantu pertumbuhan ekonomi melalui budaya pelancongan dan kesenian.

Sorotan Oleh:
DR. MARLISA ABDUL RAHIM
Pensyarah Kanan,
Jabatan Pelancongan

KUNJUNGAN NAIB CANSELOR UMK

18 NOVEMBER 2024


Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan telah menerima kunjungan YBhg. Dato' Prof. Dr. Razli bin Che Razak, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan pada **18 November 2024 (Isnin),** 10.00 pagi di Pejabat Am Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK).



Perbincangan santai penuh inspirasi antara Dekan dan Naib Canselor, menjalin aspirasi untuk kecemerlangan fakulti.









Kunjungan ini adalah merupakan salah satu lawatan akhir YBhg. Dato' yang akan menamatkan khidmat bakti sebagai Naib Canselor Ke-6 di Universiti Malaysia Kelantan.



SUMMER CAMP 2024



9 – 14 NOVEMBER 2024

Dari **9–14 November 2024**, FHPK UMK telah menganjurkan ***Summer Camp*** yang melibatkan **22 orang pelajar** dari universiti terkemuka Indonesia, termasuk **Universitas Indonesia**, **Universitas Gadjah Mada**, dan **Institut Teknologi Bandung**. Program ini bertujuan memperkukuh hubungan serantau melalui pertukaran budaya, pembangunan kemahiran, dan penglibatan komuniti.

Aktiviti utama termasuk bengkel praktikal seperti teknik urutan Malaysia, seni menghias makanan, dan pertandingan lipatan napkin, serta seminar pendidikan mengenai tren teknologi seperti AI dan FinTech. Aktiviti kebudayaan seperti Jejak Warisan KB, pencelupan batik di Kampung Laut, dan Malam Budaya Antarabangsa turut dilaksanakan selain lawatan santai ke destinasi pelancongan tempatan.









Program ini berjaya memupuk jaringan kerjasama pendidikan dan budaya antara UMK dan institusi peserta, selain mengukuhkan kedudukan UMK sebagai peneraju dalam pendidikan hospitaliti dan pelancongan serantau. Kem ini menjadi platform untuk kolaborasi berterusan dan pembangunan bersama, dengan hasrat melibatkan lebih banyak institusi pada masa hadapan.

Summer Camp 2024 mencerminkan komitmen FHPK terhadap pengukuhan kerjasama serantau, penghargaan budaya ASEAN, dan pembangunan kemahiran profesional. Inisiatif ini menjadi asas bagi perkongsian strategik dan pertumbuhan mampan dalam kalangan institusi pendidikan serantau.

PROGRAM TAKLIMAT PELAJAR BAHARU FHPK BAGI SESI 2024/2025



10 OKTOBER 2024

Program Taklimat Pelajar Baharu Tahun 1 FHPK Bagi Sesi 2024/2025 telah diadakan pada **10 Oktober 2024** (Khamis) di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota. Penganjuran program ini adalah bertujuan meraikan kedatangan dan memberi semangat buat pelajar baharu bagi sesi pengajian 2024/2025 dalam menempuh kehidupan dan pembelajaran di universiti. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk memperkenalkan pelajar dengan pihak pengurusan tertinggi fakulti dan para pensyarah di setiap jabatan. Menerusi program ini, pelajar juga dapat didedahkan dengan sistem akademik dan peraturan di fakulti serta maklumat lanjut berkenaan program di setiap jabatan masing-masing.

Program ini disampaikan oleh Timbalan Dekan (Akademik) serta Ketua Jabatan Pelancongan, Jabatan Hospitaliti, dan Jabatan Kesejahteraan. Program mendapat penyertaan yang menggalakkan daripada pelajar baharu Tahun 1 sesi pengajian 2024/2025. Seramai **731 orang** pelajar baharu Tahun 1 telah menghadiri program ini.

Di samping itu, program ini juga telah mendapat sambutan serta sokongan penuh daripada barisan kakitangan pentadbiran dan pensyarah-pensyarah FHPK.



Secara keseluruhanya program ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Diharap program seperti ini akan terus dapat dilaksanakan pada semester-semester yang akan datang, selaras dengan keprihatinan FHPK dalam meraikan pelajar baharu.



Sorotan Oleh:
DR. AHMAD FAEZI BIN AB. RASHID
Pengerusi
Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni 2024
FHPK, UMK

BENGKEL PEMERKASAAN PENGURUSAN KUALITI DI FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN & KESEJAHTERAAN



01 OKTOBER 2024

Bengkel Pemerkasaan Pengurusan Kualiti di Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) telah dilaksanakan pada **1 Oktober 2024** (Selasa) di Bilik Dahlea, UMK Kampus Kota. Bengkel ini dihadiri oleh 30 orang staf akademik dan pentadbiran FHPK. Bengkel dimulakan dengan ucapan aluan Dekan FHPK, PM Dr. Mohd Fadil Mohd Yusof yang menekankan keperluan seluruh ahli fakulti untuk memahami kepentingan dalam melaksanakan pengurusan kualiti bagi membantu meningkatkan prestasi fakulti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak berkepentingan.



Taklimat pertama berkenaan Pelaksanaan Pengurusan Kualiti di Fakulti disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Noorul Azwin Md Nasir, Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Akademik, PPQ.



Taklimat kedua ialah penerangan berkenaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 yang disampaikan oleh Dr. Nik Nur Azwanida Zakaria sebagai Timbalan Pengarah SPK, PPQ.

Hasil dari bengkel yang telah dilaksanakan ini, AKD FHPK yang telah dijalankan pada 8 dan 9 Dec 2024 oleh auditor dalam UMK telah memberikan keputusan yang memberangsangkan dengan **tiada NCR (Non-Conformity Report)** dan hanya dua OFI (Opportunity for Improvement) sahaja. Diharapkan agar prestasi pengurusan kualiti di FHPK dapat diteruskan ataupun dilaksanakan dengan lebih baik di masa akan datang.

Sorotan Oleh:
DR. RUZANIFAH KOSNIN
Penyelaras Kualiti Fakulti
FHPK, UMK

APPRENTICE 3U1i BOOTCAMP



23-25 SEPTEMBER 2024









Program Apprentice 3u1i Bootcamp adalah inisiatif khusus yang dirancang untuk mempersiapkan pelajar bagi pelaksanaan Program 3 Tahun di Universiti dan 1 Tahun di Industri (3u1i). Program ini bertujuan memberikan pelajar kemahiran dan pengetahuan yang relevan untuk memenuhi keperluan dan cabaran industri semasa.

PROGRAM INDUSTRY MONITORING, ENGAGEMENT AND COLLABORATION (FHPK–IMEC 2024)



18 SEPTEMBER 2024



Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) telah berjaya menganjurkan program FHPK–IMEC 2024 dan FBKT–iSPARK di Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Kedua-dua program ini bertujuan memperkukuhkan hubungan strategik antara universiti dan pihak industri melalui pelbagai aktiviti yang memfokuskan kepada:

1. Pemantauan Industri.
2. Jaringan Kolaborasi
3. Perkongsian Pengetahuan







KUNJUNGAN DELEGASI DARIPADA FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN, UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)



08 SEPTEMBER 2024

Sukacita dimaklumkan bahawa Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) telah menerima kunjungan delegasi daripada Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Tujuan lawatan ini adalah untuk:

1. Perbincangan program pelancongan sedia ada dan cabaran perlaksanaan



2. Persiapan program pelancongan UMK dan relevan dlm memenuhi keperluan MQA dan industri

3. Fasiliti dan perlaksanaan pematuhan piawaian semasa

4. Cabaran dalam perubahan kurikulum program pelancongan MQA terbaharu, kesediaan dan organisasi

5. Cabaran terkini perlaksanaan kurikulum program pelancongan pasca penutupan besar-besaran program pelancongan seluruh Malaysia.

TAKLIMAT PEMATUHAN TATAKELOLA DANA PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) & BENGKEL PENULISAN KREATIF



25 OGOS 2024

Pada **25 Ogos 2024,** UMK menganjurkan taklimat mengenai pematuhan tatakelola dana penyelidikan KPT, yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Fadil bin Mohd Yusof, Dekan FHPK. Program ini bertujuan memberi panduan kepada staf akademik FHPK tentang prosedur, peraturan, dan etika pengurusan dana penyelidikan, termasuk penggunaan dana secara cekap dan telus.



Taklimat ini sejajar dengan aspirasi universiti dalam memacu kecemerlangan penyelidikan dan keusahawanan, sekaligus memperkasakan staf akademik dalam melaksanakan projek penyelidikan yang mematuhi piawaian KPT.

Pada tarikh yang sama, FHPK turut menganjurkan **Bengkel Penulisan Kreatif**. Bengkel ini telah disampaikan oleh Datuk Sayuti bin Mukhtar, Profesor Adjung Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, UMK.



Bengkel ini bertujuan untuk memperkasakan kemahiran penulisan kreatif dalam kalangan peserta, sekali gus menyemarakkan minat terhadap dunia penulisan.







Dengan penganjuran program ini, UMK terus komited dalam menyokong pembangunan bakat kreatif serta memupuk budaya literasi dalam kalangan komuniti.

Sorotan Oleh:
DR. AHMAD FAHME MOHD ALI
Timb. Dekan Penyelidikan,
Keusahawanan &
Pembangunan Pelajar

"SUSTAINABILITY IN THE CREATIVE AND CULTURAL INDUSTRIES PROGRAMME: ASEAN & BEYOND" (SCCIP 2024)





03 – 08 JUN 2024

Program **"Sustainability in The Creative and Cultural Industries Programme: ASEAN & Beyond" (SCCIP 2024)** dianjurkan oleh **MOTAC** bersama **UMK** sempena Tahun Melawat Kelantan 2024. Ia bertujuan mengukuhkan kerjasama serantau dalam memajukan industri budaya kreatif. Berlangsung selama enam hari, ia menghimpunkan **19 peserta ASEAN dari 9 negara** untuk berkongsi pandangan dan pengalaman dalam memanfaatkan budaya sebagai pemacu ekonomi.



ASEAN Conference & Exhibition on Creative Culture Industries (ACEC 2024) diadakan sejajar dengan penganjuran **SCCIP.** Program ini melibatkan **150 peserta**, termasuk peserta SCCIP 2024, pengamal industri, wakil akademia, dan mahasiswa. Konferens ini dirasmikan oleh **YBhg. En. Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).**

Selain itu, turut berlangsung adalah **Pameran Budaya dan Kesenian 2024** dan **Immersive Creative Cultural Experience - BEKWOH (Big Work).**





Pameran dan **BEKWOH** ini diadakan bertujuan mendedahkan budaya makanan warisan tempatan dari setiap negeri di Malaysia kepada semua peserta ASEAN serta memberikan pengalaman kepada pengunjung tentang majlis perkahwinan Melayu melalui aktiviti seperti penyediaan bunga manggar, bunga rampai, serta memakai pakaian pengantin tradisional.



Melalui program ini, nilai tradisi dan seni dapat diperkasa sebagai aset ekonomi serantau, menyokong agenda kelestarian. Ia juga menjadi pemangkin kerjasama serantau dalam memperkasakan industri kreatif dan budaya ASEAN.

Sorotan Oleh:
DR. AHMAD FAHME MOHD ALI
Ketua Program
SCCIP 2024

TRAVELOG AKADEMIK: INSPIRASI DI SEBALIK CUTI SABATIKAL



PROF EMERITUS DATO' DR ABDUL KADIR DIN
Changlun, Kedah.

Saya dijemput berkongsi pengalaman kerjaya untuk renungan para pensyarah muda. Kisah bermula sejak saya diambil sebagai tutor di UKM 50 tahun lalu (1974) hingga kini sebagai Profesor Emeritus di UUM; banyak isu dan cabaran yang telah dilalui. Dalam ruang yang terhad ini saya hanya mampu mengambil selembar contoh daripada tahun 1992 ketika bercuti sabatikal di Universiti Massachusetts (UMass), sambil menemani isteri bercuti belajar. Di UMass saya bertugas sebagai profesor adjung dengan kemudahan menjalani penyelidikan dan penulisan. Lantikan tersebut mudah saya dapati melalui keahlian International Academy for the Study of Tourism (IAST). Prof John Hunt yang menjemput saya ke UMass juga adalah ahli IAST. Keahlian tersebut membolehkan saya mengunjungi hampir 30 negara untuk tujuan penyelidikan dan persidangan. Saya dicalonkan menjadi ahli pada pertengahan 1980an oleh Prof Jafari, ketua editor Annals of Tourism Research, mungkin berpunca kerana sumbangan saya sebagai penulis dan penilai manuskrip yang tekun, kemudiannya dilantik sebagai Associate Editor bagi seksyen review, rejoinder & commentary. Makalah pertama saya dalam jurnal ini, "Tourism in Malaysia: Competing needs in a plural society" (1982) terbit atas permintaan Prof Chong Tong-Wu (Sydney) selaku editor keluaran khas tentang pelancongan di rantau Asia-Pasifik. Beliau menjemput saya ekoran rekomendasi Prof Tan Sri Kamal Salih yang saya kenali ketika belajar di Universiti Monash, Australia. Pendekatan faktor networking itu penting dalam kerjaya seorang pensyarah dan ia memerlukan tekad untuk dibina dan dipelihara.

Ketika di UMass saya sempat melawat Universiti Harvard dan Yale serta tiga kolej berdekatan yang terkenal (Amherst, Smith & Mount Holyoke) untuk mengguna perpustakaan. Dua rakan akademik menziarahi saya: Prof Zafar Ahmed (Aligarh) dan Prof E. Muhammad Haji Salleh (Sasterawan Negara). Muhammad datang dari Michigan mencari Manuskrip Melayu lama, Zafar membantu saya dalam penyelidikan tentang imej destinasi Malaysia. Seterusnya, saya Bersama Muhammad bergerak ke Universiti California Berkeley, San Francisco.

Semasa di sana Teoh Kok Seong (kini Prof E. Datuk) amat mesra, menjemput saya dari lapangan terbang lewat malam dan dijamu makan di rumahnya. Selepas itu saya bertolak ke Universiti California Northridge, menziarahi Profesor Antonia Hussey yang juga membantu saya dalam kajian tentang pengetahuan pelajar mengenai Malaysia. Antonia rakan sekelas semasa di Universiti Hawaii, pernah ke rumah saya di Kajang dan inilah kunjungan kali kedua ke rumahnya. Malangnya ketika saya hendak tidur malam gempa bumi melanda pada sekala Richter 7.2.


Ketika di UMass saya mengajar dua kursus dan selesai menghasilkan tiga karya iaitu laporan penyelidikan sabatikal, makalah dalam Tourism Recreation Research 17(1),10-20, ia suatu ulasan mengenai model Tourism Area Life Cycle yang dipopularkan oleh Richard Butler juga seorang ahli IAST. Beliau adalah editor keluaran khas berfokuskan model yang dipeloporinya. Selain itu saya telah menulis cerpen bertajuk "Jeliti jadi jelutong" untuk Buletin Geografi di UKM atas permintaan editornya Sulong Muhammad. Ketika itu Muhammad Haji Salleh belum memulakan siri kolum kembaranya di dalam Dewan Budaya. Muhammad seperti Kamal, membawa peluang kepada saya. Dia pernah memperkenalkan saya kepada pentadbir Tourist Development Corporation (TDC) yang membuka pelbagai ruang untuk saya menyumbang sebagai sarjana dan perunding di dalam dan luar negeri. Ringkas kata, usaha networking sangat penting dalam kerjaya pensyarah malahan dalam bidang apa pun, mungkin ia searus dengan pengisian ilmu yang tiada jalan pintasnya selain usaha yang sentiasa tekun. Seperkara lagi yang perlu ditekankan ialah keperluan mencatat, seperti yang diamalkan peneroka dan perantau seperti Ibn Battuta, Al-Jubyr, Ma Huan, Abdullah Munshi dan sebagainya. Jika tidak dicatat maka akan hilanglah segala pengalaman kerana dengan pertambahan usia daya ingatan seseorang akan menjadi lemah, lantaran sukar untuk mengimbas kembali pengalaman lampau. Saya pernah hitchhike di New Zealand dan menulis diari mengenainya, tetapi diari tersebut sudah lama hilang, maka hilanglah ingatan tentang bermalam di bawah pokok di Queenstown, keseorangan di tepi Tasik Te Anau dan jemputan ke rumah Maori. Begitu juga halnya dengan kesan perubahan teknologi-banyak slide berserta bermacam cakera padat yang menimbun tetapi tiada nilainya lagi. Maka perlulah tahu menyimpan dan mengakses jenis-jenis ruang simpanan ini supaya tidak bersepah dan bermanfaat.

MEMPERKASAKAN PEMBELAJARAN MELALUI SMART CLASSROOM



DR. PAVITIRA MANOGARAN
Pensyarah Kanan
Jabatan Hospitaliti

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan, dan Kesejahteraan (FHPK) dengan bangganya memperkenalkan penggunaan Smart Classroom sebagai platform utama untuk pembelajaran hibrid. Teknologi ini, yang diperoleh melalui kerjasama strategik antara Universiti Malaysia Kelantan dengan E-One Technology Sdn. Bhd., telah digunakan dengan jayanya dalam kelas, di mana kehadiran fizikal dan dalam talian digabungkan dalam suasana yang lancar dan penuh interaksi. Smart Classroom dilengkapi dengan teknologi terkini seperti kamera AI dengan sensor gerakan, SWIPE boards, dan sistem audio yang berintegrasi sepenuhnya. Gabungan teknologi ini memberikan pengalaman pembelajaran yang fleksibel dan mesra pengguna, bukan sahaja kepada pelajar, malah juga kepada pensyarah.



Teknologi ini sangat membantu dalam situasi mencabar seperti pasca banjir, di mana pensyarah dapat meneruskan pengajaran tanpa gangguan. Pelajar yang sudah kembali ke kampus boleh menghadiri kelas secara fizikal, manakala mereka yang masih berada di rumah boleh mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Inovasi ini memastikan proses pembelajaran tidak terjejas walaupun dalam keadaan yang mencabar.

Melalui penggunaan optimum teknologi ini, komunikasi yang jelas, penyertaan aktif, dan keberkesanan dalam penyampaian maklumat dapat dicapai. Pelajar kini mempunyai kebebasan untuk menghadiri kelas dari mana-mana lokasi, menjadikan pendidikan lebih inklusif, mudah diakses, dan bersifat masa depan. Penggunaan Smart Classroom bukan sahaja meningkatkan mutu pembelajaran tetapi juga menunjukkan komitmen FHPK terhadap inovasi dalam pendidikan. FHPK terus maju untuk memastikan pendidikan berkualiti tinggi dan fleksibiliti kepada semua.



Semoga FHPK terus maju untuk memastikan pendidikan berkualiti tinggi dan fleksibiliti kepada semua.

TRANSFORMASI PENDIDIKAN PEMAKANAN: PERANAN AI DALAM MENCIPTA GENERASI SIHAT



DR. NORSYAMLINA BINTI CHE ABDUL RAHIM
Pensyarah Kanan
Jabatan Kesejahteraan

NUTRIVERSE, alat pendidikan inovatif berasaskan VR dan AR, mempelopori pembelajaran pemakanan secara interaktif melalui pendekatan gamifikasi untuk menggalakkan tabiat pemakanan sihat. NUTRIVERSE telah memenangi beberapa anugerah berprestij, termasuk di International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2024, International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2024, dan 7th Carnival Research & Innovation (CRI) 2024. Pengiktirafan ini menonjolkan peranan Kecerdasan Buatan (AI) sebagai alat pendidikan yang unggul dalam membentuk komuniti yang lebih sihat dan berpengetahuan



Dengan ciri canggih seperti visualisasi 3D dan kandungan gamifikasi, NUTRIVERSE mentransformasi pendidikan pemakanan menjadi pengalaman pembelajaran yang menarik dan berkesan.

Teknologi ini membolehkan pelajar memahami konsep pemakanan dengan cara yang lebih mendalam dan praktikal, menggalakkan penglibatan aktif dalam pembelajaran. NUTRIVERSE juga menyediakan pembelajaran yang boleh disesuaikan mengikut keperluan individu, menjadikannya lebih relevan kepada setiap pengguna. Dengan ciri-ciri interaktif yang menggabungkan elemen pendidikan dan gamified learning, NUTRIVERSE memudahkan pemahaman tentang pemakanan sihat dalam bentuk yang menyeronokkan



Projeksi NUTRIVERSE bergantung pada inovasi dan kerjasama berterusan untuk mencipta pembelajaran yang lebih interaktif dan relevan. Dengan integrasi yang lancar ke dalam sistem penjagaan kesihatan, ia berpotensi mengubah cara pendidikan pemakanan disampaikan, melahirkan generasi yang lebih sihat dan berpengetahuan. Dengan pendekatan ini, NUTRIVERSE bukan sahaja memperkenalkan teknologi dalam pendidikan, tetapi juga membentuk masa depan pemakanan yang lebih baik untuk semua.

JABATAN HOSPITALITI MEMUPUK USAHAWAN MUDA MELALUI RESTORAN KENDALIAN PELAJAR



DR. PAVITIRA MANOGARAN
Pensyarah Kanan
Jabatan Hospitaliti

Tahukah anda bahawa pelajar Jabatan Hospitaliti di Fakulti Hospitaliti, Pelancongan, dan Kesejahteraan (FHPK) menjalankan restoran mereka sendiri? Ya, restoran ini menawarkan pengalaman unik seperti bufet dan "street food". Pelajar-pelajar hospitaliti mampu menyediakan hidangan bufet dengan harga yang berpatutan sambil memberikan layanan kelas pertama seperti di restoran mewah. Di sebalik kejayaan ini, terdapat sokongan padu daripada pensyarah-pensyarah dan staf yang berdedikasi seperti Dr. Derweanna Binti Bah Simpong, Dr. Nur Dalila Binti Mat Yusoff, Puan Nur Azimah Binti Othman, Puan Nurul Fardila Binti Abd Razak, Cik Mazne Binti Ibrahim, Encik Mohammed Ruqaimi Bin Remeli dan Encik Abdullah Bin Muhamed Yusoff.



Mereka adalah tunjang utama kepada kursus Pengurusan Makanan dan Minuman. Mengendalikan kelas dapur bukanlah tugas mudah, dari mengajar pelajar tentang "mise en place", memasak, menghidang, membersih, hingga memenuhi permintaan tetamu dan memberikan perkhidmatan terbaik.

Setiap sesi kelas ini bukan sahaja memberikan pelajar pendedahan praktikal tetapi juga memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan mereka. Restoran ini menjadi platform untuk pelajar mengasah kemahiran mereka dalam penyediaan makanan, pengurusan restoran, dan layanan pelanggan.



Jadi, pada masa akan datang, jika anda melihat iklan mengenai bufet atau restoran kami, jangan lepaskan peluang untuk mencuba! Bukan sahaja anda akan menikmati hidangan yang lazat, tetapi anda juga akan menyokong usaha keusahawanan pelajar kami. Kami menjemput anda untuk menjadi sebahagian daripada pengalaman ini dan membantu kami membentuk generasi profesional hospitaliti yang berkualiti tinggi



DARI DAPUR KE KOD KOMPUTER: BAGAIMANA AI MENGUBAH GASTRONOMI



ABDULLAH MUHAMED YUSOFF
Pensyarah,
Jabatan Hospitaliti

Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI) ialah satu bidang kajian yang didedikasikan untuk membangunkan sistem yang mampu melaksanakan tugas-tugas yang biasanya memerlukan kecerdasan manusia. Ketika AI terus merevolusikan pelbagai sektor, gastronomi menjadi satu bidang yang menarik di mana teknologi bertemu dengan seni kulinari. Gastronomi bukan sekadar tentang makanan; ia mencerminkan identiti budaya, tradisi, dan inovasi, menjadikannya satu bidang yang kaya untuk penerokaan teknologi.



Integrasi AI dalam gastronomi sedang mengubah cara kita mendekati dunia kulinari. Daripada menjana resipi unik dan memperibadikan pengalaman makan, hingga meningkatkan kecekapan dapur, AI menawarkan penyelesaian yang sebelum ini hanya wujud dalam imaginasi. Algoritma canggih menganalisis profil rasa dan gabungan bahan, membolehkan chef dan tukang masak rumah melangkaui sempadan kreativiti.

Selain itu, AI memainkan peranan penting dalam memelihara amalan kulinari tradisional dengan mendokumentasikan dan mendigitalkan resipi yang mungkin hilang ditelan masa, memastikan warisan tersebut kekal.

Selain aspek kreativiti, AI menangani cabaran kritikal dalam pengeluaran makanan dan kelestarian. Ia mengoptimumkan rantaian bekalan, mengurangkan pembaziran makanan, dan membantu mencipta alternatif berasaskan tumbuhan serta daging yang ditanam di makmal untuk memenuhi permintaan terhadap penyelesaian makanan yang lestari. Dalam bidang perniagaan, alat berasaskan AI meningkatkan produktiviti dengan menyelaraskan pengurusan inventori, meramalkan keutamaan pelanggan, dan mengautomasikan tugas-tugas rutin.

AI merapatkan jurang antara tradisi dan inovasi dengan mengubah cara kita memahami, mencipta, dan menikmati makanan. Kesannya melangkaui dapur, mempengaruhi pemeliharaan budaya, pertumbuhan ekonomi, dan masa depan kelestarian makanan. Integrasi AI dalam gastronomi menandakan era baharu yang penuh dengan kemungkinan

SETINGGI - TINGGI TAHNIAH



Panel Kajian Profesional Institut Hospitaliti telah menyelesaikan penilaian mereka dan mengesyorkan agar akreditasi diberikan kepada tiga program yang dikemukakan oleh Universiti Malaysia Kelantan untuk tempoh lima tahun, sehingga Januari 2029. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada para pensyarah dan pelajar Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) atas kejayaan cemerlang ini, yang mencerminkan dedikasi dan kerjasama erat seluruh warga fakulti.

Komitmen yang tinggi, usaha gigih, serta sikap tanggungjawab yang ditunjukkan sepanjang proses persediaan akreditasi menjadi tonggak utama dalam mencapai kejayaan ini. Pihak fakulti sangat berbangga dengan keupayaan para pensyarah yang bukan sahaja memiliki kepakaran yang mendalam, tetapi juga menampilkan tahap disiplin dan integriti yang tinggi dalam memastikan proses penilaian akreditasi berjalan lancar dan berjaya.

Syabas dan tahniah di atas pencapaian ini!

SETINGGI - TINGGI TAHNIAH









SETINGGI - TINGGI TAHNIAH











SETINGGI - TINGGI TAHNIAH
















SETINGGI - TINGGI TAHNIAH







SETINGGI - TINGGI TAHNIAH















SETINGGI - TINGGI TAHNIAH

30 Muharram 1446H I 5 Ogos 2024

KUMPULAN Desa Harmoni gabungan tiga PTj dari **Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan (FHPK)**, Fakulti Senibina & Ekuistik (FSE) dan Pejabat Pengurusan Ilmu (PPI) menjuarai tempat pertama bagi Kategori Hiasan Penyajian Terbaik sempena Program Kuca Suro Perdana UMK Tahun 2024. Program anjuran Pejabat Pendaftar tersebut telah diadakan seawal jam 7.00 pagi di Perkarangan Masjid UMK Bachok, hari ini.



Kumpulan Desa Harmoni yang mengambil tema klasik desa berjaya menewaskan keseluruhan 20 PTj yang bertanding. Hadiah kemenangan telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, YBhg. Dato' Prof Razli Che Razak kepada Dekan FHPK, Prof Madya Dr Mohd Fadil Mohd Yusof. Secara peribadi, program ini telah berjaya merapatkan ukhwah antara komuniti setempat dan staf dalam suasana muhibah. Kerjasama antara satu sama lain telah terjalin dalam suasana meriah sambil bergotong-royong bersempena penghayatan bulan Islam. Tahniah diucapkan kepada semua staf yang bertungkus lumus menyediakan bubur asyura ini semoga berjumpa lagi pada program-program yang akan datang.

WELCOME TO FHPK – LET'S SHINE TOGETHER













LENSA FHPK

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan

Universiti Malaysia KELANTAN

FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN

FHPK

#MYFHPK
#FHPKFAMILY
#NOTHINGISIMPOSSIBLE
#DARETOBEDIFFERENT

fhpk@umk.edu.my

+609-7717157

UMK KAMPUS KOTA
PENGKALAN CHEPA,
16100 KOTA BHARU KELANTAN

FHPK

www.fhpk.umk.edu.my